

Dua MoU akan ditandatangani dengan Yemen

BH 14 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Malaysia akan menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) dengan Republik Yemen ketika lawatan rasmi empat hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke republik itu, bermula Rabu ini.

Antara MoU yang akan ditandatangani ialah Penubuhan Suruhanjaya Yemen-Malaysia dan Kerjasama Dalam Perkhidmatan Awam, Pengurusan Kakitangan dan Pentadbiran Awam.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata menerusi MoU perkhidmatan awam itu, Malaysia akan memberi latihan dan modul latihan kepada kakitangan perkhidmatan awam Yemen.

Katanya, lawatan Dr Mahathir itu bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala, di samping meninjau peluang perdagangan dan pelaburan, mencari pasaran baru barang Malaysia dan projek cari gali minyak di Yemen.

“Dr Mahathir dijadual mengunjungi Presiden Yemen, Ali Abdullah Salleh, anggota Majlis Syura dan mengadakan dialog dengan Dewan Perdagangan dan Industri Yemen,” katanya.